



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 38 / 2021

KEPUTUSAN PENGUNDIAN
PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI
SARAWAK KE-12

1. Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak Ke-12 sehingga **18 DISEMBER 2021**, jam **10.45 MALAM** adalah seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	Gabungan Parti Sarawak (GPS)	75
2.	Parti Sarawak Bersatu (PSB)	4
3.	Parti Tindakan Demokratik (DAP)	2
	JUMLAH	81

2. **PENANGGUHAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA BAGI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.78 MULU:**

Suruhanjaya Pilihan Raya ingin memaklumkan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi **N.78 Mulu** tidak akan diumumkan hari ini (18 Disember 2021). Ini adalah mengambil kira faktor keselamatan petugas pilihan raya yang menggunakan helikopter untuk membawa peti undi ke Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU) bagi DUN berkenaan berikutan cuaca buruk dan juga terputus perhubungan jalan darat. Sehubungan itu, keputusan pilihan raya bagi DUN akan diumumkan sebaik sahaja menerima peti undi yang berkenaan. Peratusan dan jumlah pengundi keluar mengundi juga akan diumumkan bersama pengumuman tersebut.

3. SPR ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai-Pegawai Daerah, guru-guru dan sekolah-sekolah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), pihak media serta semua pihak yang telah terlibat sama ada

secara langsung atau tidak langsung sepanjang PRU DUN
Sarawak Ke-12 kali ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

18 Disember 2021 / 13 Jamadilawal 1443H